

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK
[SIMPANG RENGGAM]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan senarai penerima biasiswa dalam kalangan pengamal media untuk melanjutkan pelajaran di Institut Pengajian Tinggi Awam terpilih seperti yang pernah diumumkan sewaktu Malam Anugerah Kewartawanan tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malam Anugerah Kewartawanan atau lebih dikenali sebagai Malam Wartawan Malaysia merupakan acara tahunan anjuran Institut Akhbar Malaysia (MPI). Pada tahun lepas, majlis tersebut yang memasuki edisi yang ke-38 telah diadakan pada 26 April 2019 di Hotel Berjaya Times Square dan dihadiri Menteri Pendidikan ketika itu sebagai penyampai bagi 20 kategori anugerah/hadiah kewartawanan Malaysia MPI-PETRONAS 2018.

Penawaran Biasiswa Khas untuk Wartawan adalah untuk mengiktiraf jasa pengamal media di negara ini dan meningkatkan keupayaan bersaing di peringkat antarabangsa. Seramai 16 orang penerima biasiswa dalam kalangan pengamal media yang sedang mengikuti pengajian di Universiti Awam terpilih seperti yang berikut:

NO. SOALAN : 262

Bil.	Universiti Awam	Senarai Penerima
(i)	Universiti Utara Malaysia	<ol style="list-style-type: none">1. Anita binti Abu Hasan2. Arziana binti Mohmad Azaman3. Badruldin bin Zakaria4. Norhayati binti Umor5. Norutul Ilham binti Mad Jari6. Zulkhairil bin Zainuddin7. Asmaliza binti Mansor8. Noor Liza binti Abu Hasan9. Taufik Asmady bin Abdul Aziz10. Wan Mohd Noor Hafiz bin Wan Mansor
(ii)	Universiti Teknologi MARA	<ol style="list-style-type: none">1. Suryati inti Mohd Nor2. Hanna Noorzakiah inti Moosa3. Ahmad Syafiq bin Mad. Desa4. Mohamad Taufik bin Mohamed Salimin5. Syah Rul Aswari bin Abdullah
3.	Universiti Putra Malaysia	<ol style="list-style-type: none">1. Ali Imran in Mohd Noordin

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG
RENGGAM]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perkembangan terkini dan usaha-usaha penambahbaikan pihak Kementerian untuk membawa seni kreatif di sekolah-sekolah melalui usaha sama pertubuhan bukan kerajaan dan pihak-pihak berkaitan seperti CENDANA yang pernah dilakukan semasa pentadbiran Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dalam usaha untuk menyediakan kemudahan pendidikan dan melahirkan murid kreatif dalam bidang kesenian dan kebudayaan di sekolah, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa memberi perhatian terhadap potensi dan bakat murid bermula dari peringkat awal persekolahan.

Selaras itu, KPM telah memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Seni Visual dan Pendidikan Muzik di sekolah rendah dah menengah untuk membuka peluang dan ruang kepada murid untuk membina pengetahuan dan kemahiran dalam bidang kesenian sebagai asas untuk mengenal pasti kebolehan dalam bidang seni kreatif.

Bagi memastikan program seni kreatif dilaksanakan secara berterusan di sekolah, KPM telah mengadakan usahasama dengan agensi kerajaan yang lain untuk membantu menyediakan pendidikan seni

kreatif yang berkualiti dan relevan pada masa kini. Antara agensi kerajaan yang telah bekerjasama dengan KPM sepanjang tahun 2019 dan 2020 adalah Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara melalui Program Bimbingan Seni Budaya (PBSB) yang melibatkan seramai 3,840 orang murid sekolah rendah dan sekolah menengah. Di samping itu, KPM juga melaksana Program Jurulatih Seni Budaya Negara (JSBN) yang melibatkan seramai 153 orang guru untuk dilantik sebagai jurulatih PBSB.

Selain agensi kerajaan, KPM turut bekerjasama dengan agensi bukan kerajaan seperti The Cultural Economy Development Agency (CENDANA), Akademi Seni Budaya Dan Warisan Kebangsaan (ASWARA), Institut Kraf Negara (IKN), Majlis Rekabentuk Malaysia (MRM), Istana Budaya, Persatuan Kebudayaan dan Kesenian Malaysia (PKKM) dan Persatuan Penggiat Zapin Negeri Johor (PEZAPIN) untuk menggalakkan pertumbuhan potensi murid serta meningkatkan pemahaman terhadap seni budaya.

Walau bagaimanapun, dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) serta sebagai usaha membantu negara mendepani situasi penularan jangkitan COVID-19 yang melanda seluruh dunia, KPM telah membuat pendekatan baharu dengan menggalakkan pihak sekolah, agensi kerajaan dan agensi bukan kerajaan untuk melaksanakan aktiviti kesenian dan kebudayaan secara dalam talian bagi memastikan proses pembelajaran murid masih dapat dilaksanakan dalam keadaan yang selamat. Beberapa program dan pertandingan yang telah dilaksanakan secara dalam talian adalah seperti berikut:

- i. Pertandingan Teater Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan;
- ii. Pertandingan Video Pendek Sekolah-Sekolah Malaysia Peringkat Kebangsaan (Tema Serlahkan Kasih Sayang);
- iii. Pertandingan Koir Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan;
- iv. Pertandingan Busana Malaysia & Gamelan Melayu Peringkat Kebangsaan;
- v. Jom Teater Peringkat Kebangsaan;

- vi. Pertandingan Ensemble Kompilasi Muzik Peringkat Kebangsaan;
 - vii. Pertandingan Muzik Tradisional Peringkat Kebangsaan;
 - viii. *He Yue Musical Instruments Solo Online Competition* anjuran *He Yue Chinese Orchestra Group Malaysia*;
 - ix. Program Bengkel *Forging Traditions: Beyond Borders “e-Learning of Malay Traditional Dances”* anjuran *ASK Dance Company* dengan kerjasama *Sime Darby*;
 - x. Program Tatih Seni dari *Malay World Culture Paradise* (MWCP); dan
 - xi. Festival Komposisi Apresiasi Orkestra Pop Sekolah Menengah Tahun 2020 anjuran Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGGAM]

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakan usaha-usaha semasa pihak Kementerian dalam menjayakan konsep '*Scholarly Teachers*' serta secara khususnya menjelaskan bentuk kerjasama terkini antara IPGM, IPTA dan IPTS demi meningkatkan kualiti para guru.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebagai peneraju kecemerlangan pendidikan guru, Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) melaksanakan Pembangunan Kesarjanaan Guru bermula kepada guru praperkhidmatan dan seterusnya kepada guru dalam perkhidmatan bagi memastikan guru yang dihasilkan berkualiti dan kekal berkualiti sepanjang perkhidmatan.

Guru Sarjana (*Scholarly Teacher*) didefinisikan sebagai seorang guru yang mempunyai kelayakan akademik peringkat pascasiswa (ijazah sarjana atau kedoktoran) dan mempunyai tahap kesarjanaan yang tinggi melalui amalan serta budaya penyelidikan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Guru Sarjana berupaya mempengaruhi amalan pendidikan serta berkongsi penemuan dan pengetahuan pedagogi

secara ilmiah, seterusnya mampu menggalakkan komuniti sekolah dan para ibubapa untuk bersama-sama memartabatkan bidang pendidikan di Malaysia.

Bagi menjayakan konsep *Scholarly Teachers*, IPGM telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan latihan yang memberi fokus kepada pengukuhan akademik guru, meningkatkan budaya dan pemikiran ilmiah dalam kalangan guru berdasarkan penyelidikan dan pembangunan serta memperkasa bidang keilmuan dalam kalangan guru sebagai *Professional Practitioner*.

Untuk tujuan itu, program latihan berkonsepkan *Scholarly Teachers* telah dibangunkan dengan kerjasama universiti awam, swasta ataupun universiti luar negara. Antara universiti yang terlibat adalah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM), UITM, Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Universiti Malaysia Perlis, UniRAZAK, Universiti Pendidikan Indonesia, Prince Of Naradhiwas University Narathiwat Thailand, University Bung Hatta Padang Indonesia serta Universiti Sharjah Emiriah Arab Bersatu. Sehingga kini, IPGM telah membangunkan 64 program dan telah dilaksanakan dengan kerjasama universiti tersebut.

Konsep *Scholarly Teachers* telah diserap dalam semua program latihan perguruan di IPG seperti Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP), Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP), Program Diploma Perguruan Malaysia (PDPM), Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) dan Program Ijazah Sarjana Perguruan (PISP).

IPGM juga telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan 15 institusi pendidikan awam termasuk swasta bagi

kerjasama dalam enam (6) bidang pendidikan iaitu latihan, penyelidikan dan inovasi, penulisan, penerbitan, konsultasi dan kumpulan pemikir. IPGM juga sedang bekerjasama dengan UPSI bagi penawaran program pengajian bagi guru-guru. Selain itu, enam (6) orang pensyarah IPG Kampus Dr Razali Ismail telah dilantik sebagai tenaga pengajar Program Diploma Pendidikan (Lepasan Ijazah) Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi tahun 2019 dan 2020, dan tiga (3) orang pensyarah sebagai penyelia praktikum program berkenaan. IPGM juga bekerjasama dengan Universiti Malaya (UM) dalam melaksanakan Bengkel Pentauliahan Pensyarah IPG sebagai penyelia PISP. Selain itu, pakar rujuk daripada universiti awam juga terlibat dalam penggubalan kurikulum PISMP dan juga sebagai penilai pemeriksa luar (*external examiner*) kertas peperiksaan PISMP. Manakala melalui Pusat Kecemerlangan Pedagogi Peribumi Kebangsaan (PKPPK), IPG Kampus Tengku Ampuan Afzan (IPGTAA), Kuala Lipis, Pahang bekerjasama dengan Universiti Islam Antarabangsa, Universiti Sains Islam Malaysia, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan Majlis Belia Malaysia dalam pendidikan orang Asli.

Di samping itu, pensyarah IPG juga diberikan pendedahan penulisan kertas cadangan penyelidikan berkualiti melalui kerjasama daripada seorang penilai *Fundamental Research Grant Scheme* (FRGS) dari Universiti Malaya yang berperanan sebagai fasilitator. Proses saringan penilaian kertas cadangan penyelidikan bagi permohonan FRGS juga melibatkan panel penilai daripada universiti awam. Selain itu, bantuan dana juga diberikan kepada IPG Kampus bagi memperkasa pembudayaan penyelidikan dan inovasi. Hasil penyelidikan dan inovasi dibentangkan dalam kolokium/seminar peringkat IPGK serta peringkat kebangsaan seperti Kolokium Aktiviti Kesarjanaan 2020 dan Minda Inovasi Dinamik (MIInD) IPG 2020.

Dengan kerjasama erat di antara IPGM dan pihak universiti, KPM percaya ianya dapat mempertingkatkan kualiti para guru secara berterusan.

Sekian.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK [SIMPANG RENGGAM]

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah dasar terkini pihak Kementerian berhubung '*Home Schooling*'.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Dasar pendidikan wajib dan pengecualian mengikutnya bagi pendidikan peringkat rendah termasuk '*Home Schooling*' kekal berkuat kuasa seperti yang diperuntukkan melalui Seksyen 29A, Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*]. Dasar ini memperuntukkan bahawa tiap-tiap ibu bapa yang merupakan warganegara Malaysia yang tinggal di Malaysia hendaklah memastikan bahawa jika anaknya telah mencapai umur enam tahun pada hari pertama bulan Januari dalam tahun persekolahan semasa anak itu didaftarkan sebagai murid di sekolah rendah dalam tahun itu dan terus menjadi murid di sekolah rendah sepanjang tempoh pendidikan wajib.

Seksyen yang sama juga memperuntukkan kuasa Menteri untuk mengecualikan mana-mana murid atau mana-mana golongan murid daripada mengikuti pendidikan wajib melalui perintah yang disiarkan dalam warta tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

Pelaksanaan '*Home Schooling*' perlu mendapat kelulusan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terlebih dahulu tertakluk kepada syarat-syarat pengecualian mengikuti pendidikan wajib seperti yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002: Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah 2003, Garis Panduan Pelaksanaan Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah Tahun 2003 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/2005: Garis Panduan Memproses Permohonan Pengecualian Daripada Mengikuti Pendidikan Wajib di Peringkat Rendah.

Sekian.

RT22